

## **HARI MINGGU BIASA KE-6 (A)**

Sirakh 15:15-20; Mazmur 118:1-2. 4-5. 17-18. 33-34. R/ v. 1; 1 Korintus 2:6-10  
Matius 5:17-22. 27-28. 33-34. 37. (Versi Singkat)

**Tema: HUKUM ADALAH KASIH, KEHIDUPAN DAN KEBAHAGIAAN!**

1. Hari ini adalah Hari Minggu Biasa Ke-6 dalam Tahun Liturgi A. Bacaan-bacaan hari ini memberitahu kita bahawa Hukum itu adalah kasih, kehidupan dan kebahagiaan! Allah adalah kasih, kehidupan dan kebahagiaan. Allah memberi kita hukum untuk memberi kita kasih-Nya, kehidupan dan kegembiraan-Nya! Dalam syurga hanya ada kasih, kehidupan dan kegembiraan! Kasih, kehidupan dan sukacita adalah tiga perkara yang penting dan ia adalah berkekalan!

Injil hari ini memberitahu kita bahawa Hukum adalah kasih, iaitu, roh hukum adalah kasih, dan kegenapan hukum itu adalah kasih. Itulah sebabnya mengapa kita harus pergi lebih jauh dari hukum untuk mengasihi! (CSB; NHB).

Itulah sebabnya mengapa Injil hari ini memberitahu kita bahawa ianya tidak mencukupi hanya untuk tidak membunuh, tetapi kita juga harus tidak marah kepada saudara kita! Kita harus mengasihi saudara kita! Injil hari ini juga memberitahu kita bahawa ianya tidak mencukupi dengan tidak berzinah, tetapi kita juga harus tidak memandang seorang perempuan dengan keinginan! Kita harus melihat seorang perempuan itu dengan kasih! Akhir sekali, Injil memberitahu kita bahawa tidak mencukupi hanya dengan bersumpah palsu, tetapi kita harus jangan bersumpah sama sekali! (CSB). Kita harusnya bercakap benar selalu! Justru itu kita baca dalam Injil hari ini:

**“Kamu telah mendengar yang difirmankan kepada nenek moyang kita; Jangan membunuh; siapa membunuh harus dihukum. Tetapi Aku berkata kepadamu: Setiap orang yang marah terhadap saudaranya harus dihukum; siapa yang berkata kepada saudaranya: Kafir! Harus dihadapkan ke Mahkamah Agama.”** (Mat 5:21-22; SM)

**“Kamu telah mendengar firman: Jangan berzinah. Tetapi Aku berkata kepadamu: Setiap orang yang memandang perempuan serta menginginkannya, sudah berzinah dengan dia di dalam hatinya.”** (Mat 5:27-28; SM)

**“Kamu telah mendengar pula yang difirmankan kepada nenek moyang kita: Jangan bersumpah palsu, melainkan peganglah sumpahmu di hadapan Tuhan. Tetapi Aku berkata kepadamu: Jangan sekali-kali bersumpah.”** (Mat 5:33-35; SM)

Sekali lagi, roh Hukum adalah kasih dan kegenapan Hukum adalah kasih! Hanya Kasih sahaja adalah hukum dan hanyalah hukum adalah kasih. Kasih adalah Hukum yang terbesar! (Mat 22:23-40). Yesus menggenapi Hukum dalam kasih dan melalui kematian dan kebangkitan-Nya dan melalui pencurahan Roh Kudus, Dia menggenapi hukum itu di dalam kita! Marilah kita menggenapi hukum dalam kasih dengan mengasihi Allah dan dengan mengasihi jiran kita seperti kita mengasihi diri kita sendiri! (Mat 22:34-40).

2. Bacaan pertama menuruti tema Injil. Bacaan pertama memberitahu kita bahawa hukum itu adalah kehidupan! Bacaan pertama memberitahu kita untuk memilih antara berpegang pada hukum atau tidak berpegang kepada hukum! Jika kita memilih untuk berpegang kepada hukum, kita memilih kehidupan (air), tetapi jika kita memilih tidak berpegang kepada hukum, kita memilih kemusnahan (api) dan kematian! Justru itu kita baca dalam bacaan pertama:

**“Asal sungguh mau menepati hukum, dan berlaku setia pun dapat kau pilih. Api dan air telah ditaruh oleh Tuhan di hadapanmu, kepada apa yang kaukehendaki dapat kau ulurkan tanganmu. Hidup dan mati terletak di depan manusia, apa yang dipilih akan diberikan kepadanya.”** (Sir 15:15-17; SM)

3. Mazmur antarbacaan menuruti tema bacaan pertama. Mazmur antarbacaan memberitahu kita bahawa hukum itu adalah kebahagiaan! Justru itu kita menyahut empat kali:

**“Berbahagialah mereka yang hidup menurut sabda Tuhan!” (Mzm 118:1; SM)**

Dan dengan itu rangkap pertama Mazmur antarbacaan:

**“Berbahagialah mereka yang hidup tidak bercela, yang hidup menurut sabda Tuhan. Berbahagialah yang berpegang teguh pada perintah Tuhan, yang mencari Tuhan dengan segenap hati.” (Mzm 118:1-2; SM)**

Disebaliknya adalah juga benar, iaitu, mereka tidak bahagia yang tidak menurut perintah Tuhan! Jika kita tidak bahagia maka kita tidak menurut perintah Allah!

4. Bacaan kedua adalah kesinambungan bacaan kedua minggu lalu. Bacaan kedua minggu lepas (1 Kor 2:1-5) memberitahu kita jangan mewartakan kebijaksanaan manusia, tetapi mewartakan Yesus yang disalibkan! Kebijaksanaan manusia tidak dapat menyelamatkan kita, hanya Kristus yang disalibkan dapat menyelamatkan kita!

Bacaan kedua Minggu ini memberitahu kita jangan mewartakan kebijaksanaan manusia, tetapi mewartakan kebijaksanaan Allah! Kebijaksanaan Allah adalah “rencana Allah untuk penyelamatan kita”! (CSB). Sekali lagi, kebijaksanaan manusia tidak dapat menyelamatkan kita, hanya kebijaksanaan Allah dapat menyelamatkan kita!

Allah memberkati kamu semua! Amen!

**Cadangan soalan-soalan untuk renungan individu dan perkongsian dalam keluarga, kumpulan-kumpulan dan komuniti-komuniti kecil:**

1. Adakah kamu menetapi hukum Allah? Mengapa Allah memberi kita hukum? Adakah kamu menemui cinta kasih, kehidupan dan kebahagiaan apabila kamu menetapi hukum Allah?

2. Adakah kamu melanggar hukum Allah? Apa akan berlaku apabila kita melanggar hukum Allah? Apakah kamu akan menemui kasih, kehidupan dan kebahagiaan apabila kita melanggar hukum Allah?

3. Hukum manakah yang terbesar dan terutama? Bagaimanakah Yesus menggenapi hukum itu? Apakah roh Hukum? Adakah kamu mengasihi?

4. Adakah kamu mewartakan kebijaksanaan manusia atau adakah kamu mewartakan kebijaksanaan Allah? Adakah kamu mewartakan Kristus yang disalib? Bolehkah kebijaksanaan manusia menyelamatkan dunia? Bolehkah kebijaksanaan Allah menyelamatkan dunia? Apakah kebijaksanaan Allah? Adakah kamu mewartakan rencana Allah untuk penyelamatan kita?

5. Adakah kamu setia dan berpegang kepada hukum manusia? Apakah hukum manusia itu sentiasa adil? Jika hukum manusia itu adalah tidak adil, apakah kamu masih lagi akan setia padanya? Jika hukum manusia itu bertentangan dengan hukum Allah, hukum manakah yang harus kamu tepati?

6. Apakah Allah membuat hukum itu untuk manusia atau adakah Allah membuat manusia untuk hukum?

7. Adakah kamu berpegang kepada hukum Gereja?

**Fr. Nicholas Ong, Holy Trinity Catholic Church (HTCC), Tawau, Sabah, Malaysia,**

**Rujukan: Catholic Study Bible (CSB); New Jerusalem Bible (NJB); Sunday Missal (SM).**